

Peningkatan kemahiran bahasa dan komunikasi melalui pengaplikasian *circle time* bagi kanak-kanak tadika

Improving communication skill using circle time for preschool children

Ilham Roding¹ dan Mazlina Che Mustafa¹

¹*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*

Corresponding author: mazlina.cm@fpm.upsi.edu.my

To cite this article (APA): Roding, I., & Che Mustafa, M. (2022). Improving communication skill using circle time for preschool children. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 12(2), 29–40. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol12.2.3.2022>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol12.2.3.2022>

Published: 21 November 2022

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji kemahiran komunikasi melalui aktiviti *Circle time* yang diamalkan di sebuah TADIKA swasta di negeri Selangor. Pendekatan kajian adalah kualitatif yang berbentuk kajian kes. Peserta kajian melibatkan dua orang kanak-kanak lelaki yang berusia 5 tahun, bersama ibu mereka dan guru kelas lima tahun. Kaedah kajian yang telah dilaksanakan ialah pemerhatian dan temu bual separa berstruktur. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis tematik untuk menganalisa dapatan kajian dan beberapa tema yang muncul ialah aktiviti interaktif dan aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak. Aktiviti interaktif seperti bercerita, bermain, dan bersoal jawab merupakan aktiviti interaktif yang guru laksanakan setiap pagi. Manakala aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak seperti bersoal jawab dan aktiviti bermain adalah penting dalam meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak. Implikasi daripada kajian ini adalah guru, ibu bapa dan TADIKA boleh melaksanakan aktiviti *Circle time* dengan melaksanakan aktiviti interaktif yang berpusatkan kanak-kanak untuk meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi mereka.

Kata kunci: Aktiviti berpusatkan kanak-kanak, bercerita, bermain, *circle time*, TADIKA

Abstract

This study aims to analyse communication skills through Circle time activities implemented in a private preschool in the state of Selangor. The study employs qualitative approach and adopts case study designs. The purposive samples involved in this study were two 5-year-old boys with their mothers and 5 years old class teacher. The research method that has

been implemented is observation and semi-structured interview. The researcher used the thematic analysis method to analyze the research findings and several themes emerged were interactive activities and child-centered activities. Interactive activities such as story-telling, play based learning, and asking questions are activities that teachers practice every morning. The child-centered activities such as question and answer and play based learning activity are important to improve communication skill for children. The implications from this study can help the teachers, parents and kindergarten in adopting the Circle time activities to improve the development of children's language and communication skills.

Keywords: *Circle time, kindergarten, Child-Centered Approach, Play based learning, story telling*

Pengenalan

Taman Didikan Kanak-kanak atau lebih dikenali sebagai TADIKA merupakan tempat yang menyediakan peluang bagi kanak-kanak mendapatkan pendidikan formal bermula seawal umur empat (4) tahun, iaitu pendidikan prasekolah, namun ia bukanlah pendidikan wajib. Walau bagaimanapun, majoriti kanak-kanak yang berusia enam (6) tahun telah memulakan pendidikan prasekolah secara formal sebagai persediaan untuk menempuh alam persekolahan (Mampu, 2021). Pendidikan di TADIKA menyediakan pelbagai pendekatan dalam pembelajaran kanak-kanak. Hal ini untuk mengembangkan kemahiran bagi kanak-kanak seperti kemahiran bahasa dan komunikasi, sosial dan emosi, fizikal dan lain-lain. Menurut Amirah (2019) menyatakan kemahiran berbahasa yang mula-mula dikuasai oleh kanak-kanak sejak mereka lahir ialah mendengar dan bertutur kemudian berkembang menjadi kemahiran berbahasa yang lengkap. Kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak berkembang dengan baik semasa mereka mengikuti program Pendidikan Awal Kanak-kanak (Isa et al., 2021).

Di peringkat awal kanak-kanak yang berusia empat hingga lima tahun terdapat beberapa ciri-ciri perkembangan kemahiran bahasa dan komunikasi yang kanak-kanak patut diperolehi seperti bilangan perbendaharaan kata semakin banyak, berinteraksi dengan baik, memahami bahasa, mengerti beberapa arahan, mengulang perkataan yang lebih kompleks dan mampu mengekspreskan idea pada orang lain (Widyasturi, 2018).

Namun begitu, terdapat bukti yang menunjukkan ramai kanak-kanak yang membesar dengan masalah perkembangan bahasa. Kanak-kanak yang menghadapi masalah perkembangan bahasa akan berdepan dengan beberapa masalah yang berkaitan dengan kemahiran membaca seperti masalah kelancaran, pemahaman, dan kurang membaca berbanding rakan sebaya yang lain (Zainiah et al., 2018). Jika kanak-kanak gagal menguasai kemahiran bahasa dan tidak dapat berkomunikasi dengan baik akan berisiko dalam perkembangan literasi, akademik, sosial dan emosi (Isa et al., 2020). Ini kerana, ciri-ciri kemahiran berkomunikasi yang berkesan bagi kanak-kanak TADIKA adalah memerlukan sekurang-kurangnya boleh menyampaikan idea dengan berani, yakin memberikan pendapat, boleh berinteraksi dengan orang lain, menghormati perasaan serta hak orang lain dan mampu menceritakan sesuatu perkara dengan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat menekankan aktiviti harian bagi pendidikan awal kanak-kanak. Terdapat aktiviti rutin harian yang dijalankan setiap pagi yang dikenali sebagai aktiviti *Circle time*. *Circle time* adalah aktiviti rutin harian yang lazimnya dilaksanakan di TASKA dan TADIKA sebagai persediaan kanak-kanak kepada

proses pembelajaran. Menerusi aktiviti *Circle time* terdapat pelbagai kemahiran yang guru boleh tekankan sebagai contoh kemahiran bahasa dan komunikasi, kemahiran sosial dan emosi, kemahiran kognitif dan sebagainya.

Menurut kajian Vygotsky (1978) mengatakan bahawa kemahiran bahasa dan komunikasi merupakan aspek utama yang menyokong kanak-kanak untuk berinteraksi dengan baik (Noor Miza Abdul Rahman et al., 2015). Ini kerana kanak-kanak yang mempunyai kemahiran berbahasa dan komunikasi dengan baik akan lebih bermotivasi untuk belajar seterusnya memberi motivasi kepada mereka untuk proses penerokaan pengetahuan. Ini turut disokong oleh (Rahman et al., 2019) yang bersetuju bahawa kanak-kanak yang memasuki persekolahan tanpa perkembangan bahasa yang baik akan menghadapi cabaran belajar membaca dan juga cabaran untuk memahami apa yang dibaca.

Di TADIKA, masalah bahasa dan komunikasi bagi kanak-kanak ialah kesukaran dalam menyampaikan makna atau mesej kepada pendengar. Kanak-kanak yang mempunyai sifat pemalu kebiasaannya akan kurang bercakap dan mengelak untuk melibatkan diri dalam sebarang aktiviti sosial. Akibatnya, mereka akan malu untuk bersuara seperti menyatakan pandangan atau membangkang sesuatu perkara. Kanak-kanak yang pemalu tidak banyak berinteraksi dan berkomunikasi ketika aktiviti *Circle time* dijalankan. Hal ini juga menyebabkan kanak-kanak tidak mahu bertanya atau berkongsi pendapat. Ini mengakibatkan keterbatasan usaha guru untuk melakukan lebih daripada apa yang mereka rasa selesa (P. Mohd helmi, 2017). Masalah komunikasi bukan sahaja mempengaruhi pencapaian literasi dan akademik kanak-kanak, malahan ia menyumbang kepada masalah sosial dengan rakan sebaya, guru dan ibu bapa pada masa hadapan (Hamidin et al., 2017) dan (Amran et al., 2019). Tambahan pula, usia kanak-kanak lima (5) tahun adalah tempoh yang kritikal di mana kanak-kanak perlu mempunyai ciri-ciri perkembangan bahasa dan komunikasi yang baik seperti yang telah ditetapkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK), 2017.

Oleh itu, pentingnya untuk kanak-kanak mempunyai kemahiran bahasa dan komunikasi yang baik. Kemahiran bahasa dan komunikasi yang baik dapat ditingkatkan melalui aktiviti *Circle time* kerana aktiviti *Circle time* memberi peluang untuk kanak-kanak memperoleh bahasa dengan cara yang kreatif dan menyeronokkan (Rahman et al., 2019).

Objektif dan persoalan kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk;

- Mengenal pasti aktiviti *Circle time* yang dilaksanakan di TADIKA swasta daerah Bangi.
- Mencadangkan aktiviti yang sesuai dalam sesi *Circle time* yang dapat memberi peluang kanak-kanak berkomunikasi

Persoalan bagi kajian ini ialah;

- Apakah aktiviti *Circle time* yang dilaksanakan di TADIKA swasta daerah Bangi?
- Apakah jenis aktiviti yang sesuai dalam sesi *Circle time* agar setiap kanak-kanak di TADIKA swasta daerah Bangi berpeluang untuk komunikasi?

Kepentingan kajian

Tahap peningkatan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak dapat dikenal pasti melalui pelaksanaan aktiviti *Circle time* terhadap mereka. Dapatan daripada kajian ini membantu memberikan input kepada guru TADIKA, dan ibu bapa dalam usaha untuk mencari pendekatan terbaik bagi meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak. Kajian ini juga

memberikan inspirasi kepada guru-guru untuk merancang dan mengatur aktiviti *Circle time* yang menarik, mewujudkan persekitaran didikan yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dalam memupuk kemahiran komunikasi mereka secara optimum.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu rekabentuk kajian kes untuk mengenal pasti aktiviti dalam sesi *Circle time* yang dapat meningkatkan kemahiran komunikasi kanak-kanak lima (5) tahun. Hal ini berpadanan dengan saranan daripada Yin (2018) yang mengatakan kajian kes itu bersesuaian apabila pengkaji ingin untuk melihat fenomena dan memahami sesuatu kes dengan teliti dan mendalam.

Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa struktur dan pemerhatian untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan pelbagai. Peserta kajian ini terdiri daripada seorang guru kelas lima (5) tahun, kanak-kanak kelas lima (5) tahun dan dua (2) orang ibu bapa. Instrumen kajian ini terdiri daripada borang pemerhatian dan soalan temu bual. Pemilihan peserta kajian menggunakan kaedah pensampelan bertujuan (*purposeful sampling*) untuk mendapatkan maklumat yang 'kaya' dan mendalam kerana menepati kriteria yang dikehendaki (Creswel, 2014).

Pemilihan peserta kajian ini berpandu kepada beberapa kriteria. Kanak-kanak yang dipilih terdiri daripada kanak-kanak yang tidak berupaya untuk berkomunikasi dengan baik, iaitu kanak-kanak yang tidak banyak bercakap dan kanak-kanak yang terlalu banyak bercakap. Manakala pemilihan guru pula adalah berpandu kepada pengalaman dan kemahiran guru dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Di mana guru ini sudah mempunyai pengalaman mengajar lapan tahun di prasekolah. Seterusnya pemilihan ibu bapa pula, pengkaji memilih ibu kepada peserta kajian kerana pengkaji ingin meneroka sejauh manakah amalan di rumah memainkan peranan dalam kemahiran bahasa dan komunikasi anak-anaknya. Ciri-ciri demografi peserta kajian kanak-kanak adalah seperti dalam

Jadual 1.

Jadual 1. Ciri-ciri demografi kanak-kanak

Kanak-kanak	Kod	Jantina	Catatan
Kanak A	K1	Lelaki	Seorang yang suka bercakap, aktif, terlibat dengan aktiviti apabila berminat
Kanak B	K2	Lelaki	Seorang yang pendiam, suka memerhati, kurang bercakap.

Manakala, ciri-ciri demografi peserta kajian guru adalah seperti dalam *Jadual 2*

Jadual 2. Ciri-ciri demografi guru

Guru kelas lima tahun	Kod	Jantina	Catatan
Guru A	G1	Perempuan	Kelulusan sarjana, pengalaman melebihi 5 tahun, mesra dan aktif

Seterusnya, ciri-ciri demografi peserta kajian ibu bapa adalah seperti dalam *Jadual 3*

Jadual 3. Ciri-ciri demografi ibu bapa

Ibu/bapa/Penjaga	Kod	Umur	Catatan
Ibu kepada anak A	IK1	38 tahun	Kelulusan sarjana muda, bekerja sendiri, masa fleksibel
Ibu kepada anak B	IK2	48 tahun	Kelulusan sarjana muda, bekerja sepenuh masa

Kajian ini dijalankan di sebuah TADIKA swasta daerah Bangi, Selangor. TADIKA ini dipilih berdasarkan faktor kemudahan bagi pengkaji iaitu dari aspek kerjasama dari pihak pengurusan, dan kemudahan untuk pengkaji memberi komitmen kerana jarak dekat dengan rumah pengkaji, jimat kos dan masa sepanjang kajian dijalankan.

Kaedah pemerhatian dan temu bual separa berstruktur digunakan untuk mengumpul data. Instrumen kajian ini ialah borang pemerhatian dan 2 jenis borang temu bual. Borang pemerhatian digunakan untuk mengenal pasti aktiviti *Circle time* yang diamalkan oleh guru terhadap kanak-kanak. Borang temu bual pertama digunakan untuk mendapatkan pandangan guru mengenai kemahiran komunikasi melalui aktiviti *Circle time*. Manakala borang temu bual kedua digunakan ke atas ibu bapa untuk mendapatkan pandangan daripada ibu bapa berkenaan aktiviti *Circle time* pada perspektif mereka.

Dapatan kajian dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis bertema. Bagi tujuan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, pengkaji telah menggunakan pelbagai teknik, pertama teknik pemeriksaan anggota (*member checking*) iaitu pengkaji meminta peserta kajian untuk memeriksa dahulu jawapan yang telah diberikan semasa sesi temu bual samada tepat atau pun tidak. Manakala teknik yang kedua adalah teknik kesahan daripada pakar, iaitu bagi tujuan kebolehpercayaan temu bual pengkaji telah mendapatkan khidmat daripada dua orang pakar dalam bidang yang berkaitan untuk menyemak dan menilai instrumen yang digunakan. Seterusnya teknik yang ke tiga adalah teknik trigulasi data iaitu pengkaji telah menggunakan pelbagai sumber data, iaitu temu bual guru, temu bual bersama ibu bapa dan pemerhatian terhadap kanak-kanak bagi memastikan data yang dapat itu tepat, sah dan boleh dipercayai.

Dapatan kajian

Data yang dikumpul melalui temu bual guru, temu bual ibu bapa dan pemerhatian terhadap kanak-kanak telah menunjukkan bahawa pelaksanaan aktiviti *Circle time* membantu meningkatkan kemahiran berbahasa dan komunikasi kanak-kanak. Huraian dapatan kajian terperinci bagi menjawab persoalan kajian adalah seperti berikut;

- i. Apakah aktiviti *Circle time* yang dilaksanakan di TADIKA swasta Bandar Seri Putra, Bangi?

Aktiviti-aktiviti interaktif

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa guru melaksanakan aktiviti-aktiviti interaktif di mana guru menggunakan ruang aktiviti yang berbeza, dan mengikut tema bulanan yang telah ditetapkan. **Jadual 4** dibawah merumuskan aktiviti-aktiviti interaktif menerusi pemerhatian.

Jadual 4. Rumusan aktiviti-aktiviti interaktif

Kanak-kanak	Hari 1 (10/3/20)	Hari 2 (23/7/20)	Hari 3 (28/7/20)	Hari 4 (7/8/20)	Hari 5 (14/8/20)	Hari 6 (19/8/20)	Hari 7 (3/9/20)	Hari 8 (15/9/20)	Hari 9 (19/9/20)	Hari 10 (23/9/20)
Aktiviti-aktiviti semasa sesi <i>Circle time</i>										
	Bercerita (<i>Mr.Robby</i>)	Bercerita (<i>Animal habitat</i>)	Menyanyi & bersoal jawab (Rukun Islam)	Bercerita (Buah kegemaran Rasullullah)	Aktiviti bermain	Bercerita (<i>Number bond</i>)	Bersoal jawab (<i>Animal's sound & movement</i>)	Bermain (<i>Numeracy</i>)	Aktiviti perbincangan	Bermain
K1	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
K2	/	-	-	-	/	/	/	/	/	/


*(/) : menunjukkan peserta kajian aktif dan berinteraksi semasa aktiviti *Circle time*.

(-) : menunjukkan peserta kajian pasif dan kurang memberi interaksi semasa aktiviti *Circle time*.

Seterusnya adalah huraian terperinci daripada dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian yang kedua.

- ii. Apakah jenis aktiviti yang sesuai dalam sesi *Circle Time* agar setiap kanak-kanak di TADIKA swasta daerah Bangi berpeluang untuk komunikasi?

Aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak



Rajah 1. Aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak

Hasil temu bual bersama guru dan ibu bapa terdapat tema yang timbul untuk soalan kajian 2 adalah aktiviti-aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak. Menurut kajian ilmiah Whitebread (2017) mengatakan bahawa aktiviti yang berpusatkan kanak-kanak mempunyai beberapa ciri-ciri yang boleh dikenalpasti antaranya ialah berlaku komunikasi dan interaksi tiga hala antara guru dengan murid, murid dengan guru dan murid dengan murid. Dalam kajian ini, guru mengaplikasikan beberapa aktiviti untuk memberi peluang kepada kanak-kanak supaya berlaku komunikasi dan interaksi dua hala. Aktivitinya adalah bersoal jawab dan bermain:

Bersoal jawab

Berdasarkan pemerhatian semasa aktiviti *Circle time* dan hasil temu bual guru, bersoal jawab merupakan salah satu aktiviti yang guru kerap amalkan. Guru mengambil langkah untuk bertanya soalan kepada kanak-kanak seorang demi seorang. Ini kerana untuk memastikan semua kanak-kanak di beri peluang untuk berkomunikasi dan sekaligus guru dapat memerhati maklumbalas semua kanak-kanak di dalam kelas.

“Contoh macam saya, saya akan tanya seorang-seorang lah. Saya akan sebutkan nama dia, jadi secara tak langsung semua orang berpeluang lah untuk menjawab, tapi kadang-kadang bentuk soalan tu yang saya ubah-ubah, untuk soalan tu berdasarkan budak tu macam mana. kalau dia kinestatik kita bertanya dalam bentuk macam banyak pergerakan badan atau perbuatan, kalau anak jenis yang pasif soalan yang ya atau tidak jer, atleast dia reply jawapanlah” - G1.

Di dalam kelas terdapat kanak-kanak yang pasif seperti peserta kajian K2. Melalui temu bual dengan guru dan pemerhatian yang dijalankan, didapati bahawa guru tidak membiarkan kanak-kanak pasif sendirian. Sebaliknya guru memberikan peluang khas ketika sesi soal jawab pada K2 dengan memberi perhatian dan menyebut namanya untuk memberi K2 peluang menjawab soalan.

Selain daripada itu, turut disokong oleh temu bual daripada ibu peserta kajian (IK1). Beliau berpendapat bahawa aktiviti bersoal jawab merupakan aktiviti yang beliau laksanakan di rumah di mana sesi bersoal jawab ini membantu anak-anak mereka untuk berinteraksi antara satu sama lain. Hal ini dapat dikenal pasti menerusi transkripsi temu bual berikut:

“Dia paling suka Q & A lah, sebab dia akan belajar banyak daripada situ. Saya layan lah walaupun kita rasa ala soalan macam orang kata pelik pelik pun dia tanya kan jadi jawab juga lah contohnya macam dia nak tahu proses macam mana kan katalah pokok jagung, papa dia tanam pokok jagung belakang rumah kan dia kata macam mana boleh jadi dia dah berbuah kan macam mana dia jadi macam tu, kita cakap lah tanam daripada biji benih lepas tu pokok tu tumbuh dah besar nanti keluar dia punya bunga lepas keluar bunga lepas tu dah bunga akan tumbuh lah dia punya buah, kita cerita la macam tu proses dia” - IK1

Bermain

Selain aktiviti bersoal jawab guru juga melaksanakan aktiviti bermain. Bermain merupakan aktiviti yang mempunyai ciri-ciri berpusatkan kanak-kanak di mana menurut hasil temu bual sepanjang sesi bermain kanak-kanak memainkan peranan yang penting dan guru berperanan sebagai pembimbing sahaja. Ini dapat dikenalpasti menerusi hasil temu bual guru.

“Saya akan main game “point to be a model” supaya kanak-kanak semua terlibat dan menjawab soalan. Selain pada tu saya juga akan main game misteri box ke macam tu. So anak-anak akan respon dan jawab soalan daripada misteri box tu lah. Paling saya suka juga, iaitu bermain peranan, contoh macam kita nak bercerita tentang Zoo, kita dah setup dah kelas kita tu jadi Zoo, so kanak-kanak tu akan bermain peranan jadi animal, macam tu lah” - G1.

Selain itu, turut disokong oleh dapatan daripada transkrip ibu (IK2) yang menyokong bahawa aktiviti bermain itu merupakan aktiviti yang beliau laksanakan di rumah dan berpusatkan anak-anaknya.

“Dia orang akan sebut beramai ramai nyanyi lagu enjit enjit semut, main cubit-cubit tangan. Cuma saya tak buat selalu lah dia orang buat sendiri sendiri main main dengan adik beradik dorang buat macam tu lah.” - IK2.

Walau bagaimanapun jawapan temu bual yang diberikan oleh ibu IK2 agak kabur dan tidak menjelaskan tentang kefahaman konsep sebenar pelaksanaan aktiviti *Circle time*.

Menurut dapatan temubual ibu bapa ini, mereka kenal tentang aktiviti *Circle time* disebabkan guru kelas selalu kongsi gambar aktiviti melalui group kelas. Namun kefahaman, dan cara pelaksanaan masih tidak tepat seperti konsep pelaksanaan aktiviti *Circle time* yang sebenar.


“Circle time kalau yang saya faham akan berkumpul itu mereka do maybe group activities lah. Yang buat aktiviti maybe singing ke ataupun maybe story telling ke ha whatever lah. guru kan selalu share dekat dalam group kan so kita tahu lah” -IK 1

Manakalah jawapan daripada ibu kepada K2 agak berbeza dengan IK1. IK2 tidak terlibat dalam sesi *Circle time* bersama anak-anaknya.

“Saya tahu aktiviti *Circle time* sebab memang selalu sekolah share lah guna apps medium school to me tu dia orang share. Saya tak ada terlibat cuma mereka 4 beradik sajalah, dia orang selalu buat lah bagi sama sama main seperti nyanyi lagu. Saya tak involve lah, saya Cuma memerhati je”- IK2

Oleh yang demikian, menurut dapatan temu bual ibu bapa ini pengkaji dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak mempunyai kemahiran komunikasi yang baik jika ibu bapa atau penjaga mewujudkan sesi *Circle time* atau sesi perhimpunan bersama ahli keluarga di rumah. Sesi *Circle time* akan menjadi sesi *Bonding time* sesama ahli keluarga. Dapatan daripada ibu bapa adalah menunjukkan ibu1 (IK 1) sering meluangkan masa dan melaksanakan aktiviti *Circle time* bersama dengan anak-anaknya di rumah. Manakala ibu 2 (IK2) tidak terlibat dalam sesi *Circle time*. Beliau hanya memerhati dan biar anak-anaknya bermain sesama sendiri. Oleh yang demikian terdapat perbezaan disegi perbendaharaan kata-kata, keyakinan diri dan kemahiran bahasa dan komunikasi antara K1 dan K2 seperti yang dijelaskan di bahagian demografi kanak-kanak.

Justeru, berdasarkan kedua-dua soalan kajian diatas, pengkaji dapat merumuskan bahawa persoalan kajian telah menghasilkan dua (2) tema yang konsisten hasil daripada analisis yang telah dijalankan. Rajah dibawah menunjukkan tema utama dapatan kajian.



Rajah 2. Tema utama dapatan kajian

Perbincangan

Merujuk kepada dapatan daripada **Jadual 4** hasil pemerhatian jelas menunjukkan guru melaksanakan aktiviti *Circle time* di TADIKA setiap hari. Guru mengamalkan pendekatan-pendekatan yang menarik serta interaktif. Aktiviti interaktif ini dapat melihat di mana aktiviti yang guru amalkan ini merangkumi interaksi tiga hala iaitu guru dengan kanak-kanak, kanak-kanak dengan guru, dan kanak-kanak dengan kanak-kanak yang lain secara aktif. Pengkaji juga mendapati bahawa guru mengaplikasikan aktiviti *Circle time* dengan pelbagai tema. Tema-tema yang guru amalkan ini telah pun dirancang lebih awal dan berpandu kepada silibus yang telah di tetapkan oleh ibu pejabat. Dapatan ini konsisten dengan pendapat daripada Collins dan Kavanagh (2015) yang mengatakan bahawa untuk meningkatkan penyertaan para kanak-kanak dan menjadikan sesi *Circle time* penuh bermakna dan lebih interaktif guru harus menyediakan pelajar tema dan topik untuk perbincangan. Ianya akan memberi impak yang positif kepada sesi *Circle time*.

Selain itu, berdasarkan dapatan

Bersoal_jawab muka surat 35, daripada hasil temubual bersama ibu bapa, jelas menunjukkan bahawa kemahiran komunikasi kanak-kanak meningkat dengan wujudnya aktiviti *Circle time* di rumah. Melalui pemerhatian pengkaji kanak A (K1) mempunyai karekter suka bercakap adalah daripada persekitaran dan layanan daripada ahli keluarganya. Di antara ahli keluarganya yang melayan setiap soalan yang diajukan oleh anaknya adalah ibunya (IK1) sendiri. Dapatan ini sejajar dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Bustaman et., al (2018), bahawa perkembangan bahasa akan berlaku dengan lebih cepat jika mereka mendapat respon bagi setiap pendapat yang mereka utarakan. Selain dari itu, pengkaji juga mendapati bahawa aktiviti *Circle time* secara tidak langsung boleh dipelajari oleh ibu bapa melalui perkongsian aktiviti yang dilakukan oleh guru. Namun, dapatan ini juga dipengaruhi oleh kesudian dan usaha ibu bapa tersebut menjalankan aktiviti itu di rumah.

Manakala, berdasarkan dapatan

Bermain muka surat 36 pula daripada hasil pemerhatian dan temu bual bersama ibu bapa dan guru, dapat disimpulkan bahawa aktiviti *Circle time* yang dijalankan oleh ibu bapa di rumah juga membantu kemahiran sosial kanak-kanak bersama rakan-rakan. Ini dapat dilihat di mana kanak-kanak yang tidak menjalankan aktiviti tambahan *Circle time* di rumah perlu dibantu oleh guru untuk kanak-kanak tersebut bergaul bersama rakan sekelas kerana lebih suka bersendirian dan pasif. Manakala, kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa yang mengaplikasikan aktiviti *Circle time* di rumah lebih berdikari dalam aktiviti bermain dan bersosial lebih baik bersama rakan-rakan sekelas. Hal ini berpadanan dengan pendapat Siti Aisyah Ibrahim dan Hafizhah Zulkifli (2020) yang mengatakan bahawa pelaksanaan aktiviti '*Circle Time*' menjadikan kanak-kanak lebih mendengar arahan dan mematuhi peraturan.

Selain daripada itu, hasil dapatan menunjukkan kanak-kanak yang pendiam iaitu kurang berbual dan kurang mengeluarkan pendapat semasa *Circle time* berkemungkinan daripada guru yang tidak memberi peluang untuk bercakap. Seperti mana telah dijelaskan oleh kajian Vukelich, Christie dan Enz (2012) yang menunjukkan bahawa pendidik mendominasi 80 peratus percakapan semasa proses berkomunikasi. Walau bagaimanapun menurut pemerhatian pengkaji, guru menggunakan pendekatan yang kreatif dan berpusatkan kanak-kanak di mana guru berperanan sebagai fasilitator. Guru membuka peluang kanak-kanak untuk bermain seperti main "*point to be a model*", main "*mystery box*" dan main peranan. Mengikut pemerhatian pengkaji, kanak-kanak memberikan maklum balas yang baik terhadap kesemua aktiviti bermain yang guru laksanakan.

Selain itu, kanak-kanak juga menunjukkan kecenderungan untuk menyertai aktiviti *Circle time* dan kelihatan teruja terhadap kandungan baru semasa aktiviti dijalankan. 80 peratus kanak-kanak dapat berinteraksi bersama guru dan rakan sekelas dengan baik. Hal ini dapat dilihat melalui keberanian kanak-kanak untuk bertanyakan soalan kepada guru.

Hasil kajian memberi gambaran baru mengenai kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak dapat ditingkatkan melalui aktiviti *Circle time*. Lantas, membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di TADIKA terutamanya di dalam mengembangkan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Ia juga mampu meningkatkan kesedaran guru TADIKA untuk mengamalkan aktiviti-aktiviti yang interaktif dan berpusatkan kanak-kanak supaya dapat memenuhi keperluan kanak-kanak dalam memupuk perkembangan bahasa dan komunikasi mereka. Malah hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan oleh guru-guru TADIKA dalam usaha mendapatkan cadangan aktiviti interaktif semasa melaksanakan sesi *Circle time* di Institusi masing-masing.

Oleh itu, secara keseluruhannya dapatan menunjukkan pencapaian bahasa dan kemahiran komunikasi kanak-kanak dapat ditingkatkan melalui aktiviti *Circle time* yang mengamalkan aktiviti yang interaktif dan berpusatkan kanak-kanak. Pendidikan awal kanak-kanak harus mengamalkan aktiviti yang interaktif secara aktif supaya perkembangan bahasa dan komunikasi boleh berlaku dengan lebih pesat.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini telah menghasilkan cadangan pendekatan yang sesuai dalam sesi *Circle time* supaya dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Kemahiran bahasa dan komunikasi merupakan tunjang asas yang diterapkan oleh KSPK (semakan 2017) dalam membangunkan perwatakan yang positif di dalam kalangan kanak-kanak. Justeru, guru yang mempunyai pengetahuan mengenai cara pelaksanaan aktiviti *Circle time* yang betul dapat mengendalikan aktiviti *Circle time* dengan baik dan berkesan. *Circle time* akan menjadi aktiviti yang lebih bermakna dan mampu meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak jika guru dapat mengaplikasikan pendekatan-pendekatan yang menarik seperti pendekatan yang berpusatkan kanak-kanak.

Selain guru, ibu bapa juga turut memainkan peranan yang penting dalam membentuk kemahiran komunikasi kanak-kanak. Ibu bapa merupakan individu yang rapat dan sering berkomunikasi dengan anak-anak di rumah mahupun di luar rumah. Anak-anak lebih cenderung untuk mengikut cara ibu bapa mereka berkomunikasi. Oleh itu, penglibatan ibu bapa dalam mengamalkan komunikasi sihat di rumah bukan sahaja mengeratkan hubungan kekeluargaan malah membantu anak-anak meningkatkan perkembangan diri, emosi, bahasa dan pencapaian mereka dalam pelajaran.

Secara kesimpulannya kajian ini telah menjawab soalan kajian dan objektif kajian yang telah dibina. Kajian ini telah memberi pengetahuan kepada guru dan institusi TADIKTA tentang pentingnya merancang aktiviti *Circle time* dan penggunaan pendekatan yang bersesuaian supaya dapat meningkatkan kemahiran bahasa dan komunikasi kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kajian ini masih boleh ditambah baik dengan instrumen yang lebih terperinci. Dapatan kajian ini hanyalah tertakluk kepada situasi ketika kajian ini dijalankan sahaja. Dapatan ini masih boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor lain dan berkemungkinan berubah mengikut faktor-faktor lain yang berbeza.

Rujukan

- Amirah, S. (2019). Pengaruh kegiatan bercerita terhadap perkembangan bahasa dan kognitif anak usia 5-6 tahun dengan menggunakan media gambar di TK/Paud Amanah Medan Tahun Ajaran 2019/2020. 3, 1010 -1012.
- Amran, H. A., Abd Majid, R., & Ali, M. M. (2019). Cabaran guru pendidikan khas pada abad ke-21. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(26), 113-122.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bustaman te, A. S., Hindman, A. H., Champagne, C. R., & Wasik, B. A. (2018). Circle time revisited: How do preschool classrooms use this part of the day? *Elementary School Journal*, 118(4), 610–631. <https://doi.org/10.1086/697473>
- Collins, B., & Kavanagh, A. M. (2015). Circle time as an inclusive learning space: Exploring student teachers' prior school experiences. *AISHE-J: The All Ireland Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 7(2).

- Creswell, J. W. (2014). *Research design: qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th Ed.). *Thousand Oaks*, California: Sage Publications.
- Hamidin, N. M., Md Isa, S. N., Rahman, A. A., & Hamdi, I. (2017). Pendidikan awal kanak-kanak (Pakk) Di Malaysia: Kajian Literatur. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*, 1.
- Isa, Z. M., Mustapha, M. C., Shamsudin, I. D., Annammal, G., Piragasam, G., Manusia, F. P., Pendidikan, U., Idris, S., Malim, T., Penyelidikan, P., Negara, P. K., Sultan, U. P., & Malim, T. (2021). Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. *10*(2), 27–34.
- Isa, Z. M., Shamsudin, Ilyia D., Annammal, G., Bacotang, J., Mustafa, M. C., & Samuri, S. M. (2020). Panduan stimulasi perkembangan kanak-kanak untuk Ibu Bapa: Bahasa dan komunikasi (Issue August). <http://ncdrc.upsi.edu.my>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan: Pendidikan Prasekolah. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Malaysian Administrative Modernisation And Management Planning Unit (2021). Mendapat Pendidikan Prasekolah Retrieved from <https://www.malaysia.gov.my/portal/subcategory/98?language=my>.
- Mohd Helmi, P. (2017). Strategi komunikasi dalam kalangan pelajar Cina di SRJK (C): Kajian kes di daerah Hulu Langat, Selangor/Mohd Helmi Pangat (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Noor Miza Abdul Rahman. (2015). Pembinaan modul berasaskan pendekatan projek untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi murid tadika (Tesis Ph.D.). Universiti Sains Malaysia.
- Rahman, F. A., Sazali, N. H., & Veloo, A. (2019). Empowering children through circle Time: an intervention to promote language interaction in primary ESL classroom in Malaysia. *Practitioner Research*, 1(July), 263–287.
- Siti Aisyah Ibrahim & Hafizhah Zulkifli. (2020). Penggunaan kaedah circle time dalam meningkatkan kemahiran membaca bacaan mad asli dan mengenal mad asli. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 1(1), 1-20. https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal_5e85ed8031df8.pdf.
- Vukelich, C., & Christie, J., & Enz, B. (2012). *Helping young children learn language and literacy: Birth through kindergarten* (3rd ed.). Boston, MA: Pearson Education Inc.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Whitebread, D, Neale, D., Jensen, H., Liu, C. Solis, S.L., Hopkins, E., Hirsh-Pasek, K. & Zosh, J. (2017). The role of play in children’s development: A review of evidence. Denmark: LEGO Fonden.
- Widyasturi, A. (2018). Analisis upaya guru dalam mengembangkan bahasa pada anak usia 5-6 tahun di Taman Kanak-kanak Assaadah Limo Depok. *6*(1).
- Yin, R.K. (2018). *Case study research and application: Design and methods* (6th ed.). *Thousand Oaks*, CA: Sage Publications Inc.
- Zainiah, M. I., Juppri, B., Nur Fatin, Z., & Mazlina, C. M. (2018). Pencapaian kemahiran literasi awal kanak-kanak berusia 2 , 3 dan 4 tahun. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat*, December 2018, 40–50.